

FOR IMMEDIATE RELEASE

07 October 2005

**MEDIA RELEASE**

## **UEM sasar kurangkan kerugian**

KUALA LUMPUR 6 Okt. - UEM World Bhd. (UEM World) akan menjadikan perniagaan penjagaan kesihatan dan pembangunan harta tanah sebagai sandaran untuk mengurangkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM44.1 yang dicatatnya dalam enam bulan pertama tahun ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Ahmad Pardas Senin berkata, segmen penjagaan kesihatannya yang diterajui oleh Pharmaniaga Bhd. dijangka menyumbang 10 peratus kepada perolehan kumpulan untuk tempoh lima bulan tahun ini.

Selain itu, kata beliau, penstrukturkan semula hutang Kumpulan Bandar Nusajaya Development (BND) akan membolehkan pengurusan memberi tumpuan membangunkan perniagaan, sekaligus menjana perolehan positif kepada UEM World.

``Kami berharap prestasi kewangan berada pada paras `munasabah' pada akhir tahun 2005," katanya selepas mesyuarat agung luar biasa (EGM) UEM World di sini hari ini.

Bagi tempoh separuh pertama tahun kewangan berakhir 30 Jun 2005, UEM World mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM44.1 juta berbanding keuntungan sebelum cukai berjumlah RM115.4 juta untuk tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Konglomerat itu turut mencatatkan kejatuhan perolehan kepada RM1.204 bilion daripada RM1.214 bilion untuk tempoh tersebut.

Menurut Ahmad Pardas, antara penyumbang kepada kerugian kumpulan ialah projek pembinaan lebuh raya dan kolej teknologi di Qatar oleh UEM Engineers (M) Bhd. Serta perang harga simen yang dihadapi oleh Cement Industries of Malaysia Bhd (CIMA).

``Projek di Qatar adalah amat mencabar kepada kami dan ia mempunyai potensi untuk menyebabkan kami mengalami kerugian," kata beliau.

Sementara itu, Pengurus UEM World, Datuk Abu Hassan Kendut berkata, CIMA tidak lagi akan memberikan diskaun harga simen bagi membolehkannya mencatatkan prestasi kewangan lebih baik.

``Perang harga simen berlaku hingga bulan Julai lalu dan keadaan telah berubah selepas itu," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Pardas berkata, pelaksanaan tawaran awam mandatori (MGO) UEM World menerusi anak syarikatnya, Trinity Saga Sdn. Bhd, terhadap baki saham Pharmaniaga yang belum dimiliki dijangka selesai pada November ini.

Menurutnya, Pharmaniaga dijangka menyumbang antara 20 hingga 25 pratus perolehan UEM World pada tahun depan.

- end -



## ABOUT PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad is Malaysia's leading pharmaceuticals group and a member of the UEM Group. The company is driven by its core businesses in generic pharmaceuticals R&D and manufacturing, warehousing and distribution of pharmaceutical and medical products, sales & marketing, as well as hospital equipping provision of turnkey contract services. Pharmaniaga has also created a niche in healthcare IT solutions which forms the backbone of its operations.

---

*Issued for the Pharmaniaga Group by Corporate Communications Division, Pharmaniaga Berhad*